



ROZALI (kanan) dan Radin Umar bergambar kenangan bersama Olahragawan dan Olahragawati UPM, baru-baru ini.

Atlit UPM dapat penghargaan

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh
bhvarsiti@bharian.com.my

ATLIT memenah, Mohd Kaharuddin Ashah dan atlit skuasy, Siti Munirah Jusoh masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-29.

Mohd Kaharuddin, mahasiswa tahun akhir Bachelor Pembangunan Sumber Manusia ialah pemenang pingat perak memenah acara compound pada Sukan SEA Jakarta 2011.

Siti Munirah, mahasiswa tahun dua Bachelor Komunikasi (Penyiaran) pula pernah meraih emas dalam Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Sarawak, April lalu.

Pro-Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail menyampaikan piala pusingan dan dan sijil kepada kedua-dua atlit cemerlang itu.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman pula dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Sukan berikutan jasanya dalam membangunkan sukan di UPM.

Anugerah Olahragawan dan Olahragawati harapan, masing-masing

dimenangi Ivan Yuen Chee Wer (skuasy) dan Ganthimati Kumurasamy (olahraga).

Anugerah Pasukan Cemerlang pula dimenangi pasukan hoki manakala Anugerah Pengurus Cemerlang diraih Mohd Firdaus Abdullah bagi sukan olahraga dan anugerah Jurulatih Cemerlang milik jurulatih hoki wanita, Wan Zaharuddin Wan Abdullah.

Dalam majlis itu, Rozali turut menyampaikan anugerah Apresiasi Atlit kepada 43 atlit UPM yang mendapat pingat dalam Sukan SEA ke-26 di Palembang dan Jakarta 2011 serta enam atlit UPM yang menyertai Kejohanan Sukan Universiti Dunia 2011 di Shenzhen, China dan Kejohanan Memanah Asia 2011 di Tehran, Iran.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Ir Radin Umar Radin Sohadi, berkata anugerah itu akan menyuntik motivasi atlit universiti berkenaan agar mereka muncul sebagai modal insan yang seimbang dari segi akademik dan sukan.

"Anugerah ini ialah penghargaan UPM kepada atlit yang mengharumkan nama universiti dan negara dalam sukan dan mampu mendorong mereka untuk terus meningkatkan prestasi pada masa akan datang," katanya.